

ANALISIS ASAS PEMIKIRAN AL-SHĀṬIBĪ (W.790H) BERHUBUNG TEORI BID'AH DALAM KARYANYA AL-'ITIṢĀM

**AN ANALYSIS ON THE BASIC THOUGHT OF AL-SHĀṬIBĪ (D.790H) REGARDING BID'AH THEORY
THROUGH HIS WORK AL-'ITIṢĀM**

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar^{}, Saadan Man*,
Norhidayah Pauzi*, Mohd Anuar Ramli* & Mohd Rosdi
Hassan****

*Department of Fiqh & Usul. Academy of Islamic Studies.
University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

**Academy of Contemporary Islamic Studies. Universiti
Teknologi MARA (UiTM). 40450. Shah Alam. Selangor.
Malaysia.

Email: *#syedjeffri89@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.5>

Khulasah

Al-Shāṭibī merupakan salah seorang tokoh ulama Granada kurun ke lapan Hijrah yang hadir dengan membawa satu perincian komprehensif dalam memahami *bid'ah* dengan pengertian yang khusus. Takrifan yang dikemukakan oleh beliau telah menjadi polemik berterusan di dalam perbincangan hukum Islam. Justeru kajian ini bertujuan meneliti pandangan beliau secara mendasar berhubung teori yang dikemukakan beserta pengimplentasiannya dalam fatwa. Bagi mencapai objektif yang disasarkan, kajian ini akan dilaksanakan sepenuhnya melalui metode kepustakaan menerusi penelitian kualitatif. Kajian mendapati al-Shāṭibī mengembangkan asas teori yang dikemukakan oleh Imam Mālik yang mentafsirkan *bid'ah* di dalam satu hala iaitu kesesatan. Menurut beliau *bid'ah* merupakan setiap perkara berhubung kait dengan agama sama ada dari perbuatan yang dikategorikan sebagai adat mahupun ibadat yang tidak

dilakukan oleh generasi awal. Kajian turut mendapati pandangan al-Shāṭibī berhubung teori *bid'ah* agak tegas serta tidak sesuai diaplikasikan dalam masyarakat khususnya di Malaysia yang telah sebatи dengan pandangan mazhab al-Syafi'i berhubung isu tersebut.

Kata kunci: *Bid'ah*; pemikiran al-Shāṭibī; *al-'Itiṣām*; hukum.

Abstract

Al-Shāṭibī who was one of the prominent scholars during eight century AH from Granada present us with a comprehensive understanding of *bid'ah* with a specific meaning. The definitions presented by him has been a continuing debate in the discussion of Islamic law. Thus, this study aims to examine his view fundamentally on the *bid'ah* theory and its implementation in making related *fatwā*. In order to achieve the intended objectives, this study will be fully implemented by using the library research method based on qualitative evaluation. The study found that al-Shāṭibī developed the basic theory which had been put forward by Imam Mālik who at that time interpreting *bid'ah* in one way only, which was all will leading to straying. According to him, *bid'ah* is everything which is related with religion either in forms of worshipping act or traditional practice that is not practice by earlier generations. The study also found that al-Shāṭibī's views on *bid'ah* theory not suitable to be practised in society especially in Malaysia which has been in line with the views of the al-Shāfi'i sect on the issue.

Keywords: *Bid'ah*; al-Shāṭibī's thought; *al-'Itiṣām*; *hukm*.

Pendahuluan

Imam al-Shāṭibī (w.790H) hidup sekitar kurun ke tujuh Hijrah merupakan salah seorang tokoh ulama dari Granada yang terkenal dalam lapangan perbincangan *maqāṣid al-*

*shari‘ah*¹. Ketokohan beliau dalam maqasid diakui oleh para ilmuan kontemporari sehingga beliau dikenali sebagai peneroka yang membahaskan *maqāṣid al-shari‘ah* secara terperinci². Hal ini dibuktikan melalui penulisan beliau yang dinamakan sebagai *al-Muwāfaqāt*.

Namun, dalam masa yang sama beliau turut dikenali dengan perbahasan mengenai *bid‘ah* dalam sebuah kitab lain iaitu *al-‘Itiṣām*. Berbeza dalam perbincangan *maqāṣid* di mana beliau diangkat serta dijulang oleh para ilmuan, perbincangan mengenai *bid‘ah* yang dikemukakan oleh beliau menjadi satu polemik yang berterusan di kalangan sarjana Islam. Terdapat sebahagian sarjana menerima dan sebahagian yang lain menolak teori yang dikemukakan oleh beliau³. Justeru, makalah ini akan meneliti secara komprehensif dan mendasar teori yang dikemukakan oleh beliau tentang *bid‘ah* serta pengaplikasiannya dalam hukum Islam.

¹ Maqasid Syariah merupakan suatu ilmu yang membincangkan mengenai objektif Syariah iaitu hikmah yang menjadi tujuan ditetapkan hukum-hukum yang disyariatkan Allah untuk direalisasikan dalam hubungan manusia berbentuk perintah, larangan atau keharusan sama ada untuk individu, keluarga, bangsa dan umat. Lihat Alias Azhar et.al, “Penyelidikan Fatwa dalam Kerangka Maqasid al-Syari‘ah: Satu Tinjauan,” *Jurnal Ulum Islamiyyah*, (April 2017), 50.

² Hasbullah bin Mat Daud, “Teori *Maqasid al-Shari‘ah*: Kajian Perbandingan antara Pemikiran al-Shatibi dan Izz al-Din Ibn ‘Abd al-Salam” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011), 34; Hammadī al-Ubaydī, *al-Shāfi‘ī wa Maqāṣid al-Shari‘ah* (Tripoli: Mansyurat Kulliyat al-Da‘wah al-Islamiyyah), 131; Alias Azhar, “Penyelidikan Fatwa,” 50.

³ Lihat perbincangan lebih lanjut dalam Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Analisis Perbandingan Pemikiran Ibn Abd al-Salam (M660H) dan al-Shatibi tentang teori Bid‘ah” (tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2018), 286-293.

Latar Belakang al-Shāṭibī

Nama penuh beliau ialah Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Lakhmī al-Gharnāṭī al-Mālikī dikenali dengan *kunniyah* Abū Ishāq dan masyhur dengan panggilan al-Shāṭibī⁴. Beliau dilahirkan di Granada pada awal kurun ke 8 Hijrah dan para pengkaji berselisih pendapat di dalam menentukan tahun kelahirannya. Ada pendapat mengatakan beliau lahir sebelum tahun 720H dan terdapat juga pendapat yang mengatakan beliau lahir sekitar tahun 730H⁵.

Muhammad Abū Ajfān mengatakan para penulis biografi tokoh ini tidak menjelaskan tahun kelahirannya, tetapi perkiraan yang mungkin dilakukan adalah berdasarkan wafatnya Abī Ja‘far ibn al-Ziyād, gurunya yang paling dahulu meninggal dunia iaitu pada tahun 728H. Dari kenyataan ini, ianya menguatkan pendapat yang mengatakan tahun kelahirannya pada 720H⁶. Beliau merupakan seorang ulama usul, bahasa dan juga tafsir⁷. Beliau meninggal dunia pada hari Selasa bersamaan 8 Syaaban tahun 790H/1388M⁸.

Beliau dinasabkan kepada bandar Shatibah sebuah daerah di Andalusia (Sepanyol) yang merupakan tempat tinggal ibu bapanya. Beliau juga dinasabkan pada al-Lakhmī yang menunjukkan bahawa beliau daripada keturunan bangsa Arab dari suku Lakhm⁹. Sepanjang hidup

⁴ ‘Umar Ridā Kahālah, *Mu’jam Mu’allifīn* (Beyrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 1: 77.

⁵ Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-I’tiṣām* (Beyrūt: Maktabah al-Tawhīd, 2005), 7.

⁶ Duski Ibrahim, *Metode Penetapan Hukum Islam: Membongkar Konsep al-Istiqrā’ al-Ma’awi asy-Syatibi* (Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, 2008), 32.

⁷ ‘Umar Ridā Kahālah, *Mu’jam Mu’allifīn*, 77.

⁸ Al-Shāṭibī, *al-I’tiṣām*, 7.

⁹ Hasbullah bin Mat Daud, *Teori Maqasid al-Shari’ah*, 3.

beliau, al-Shāṭibī tidak pernah keluar dari kota Granada sama ada bagi menunaikan haji atau menuntut ilmu¹⁰.

Sepanjang rehlah pendidikan, beliau hanya mendapat pendidikan dari guru-gurunya yang berada di Andalus sama ada ulama yang tinggal di Granada atau pun ulama yang datang ke Granada pada ketika itu. Muḥammad Abū al-Ajfān mengatakan tidak kurang dari dua puluh lima nama guru al-Shāṭibī dalam disiplin ilmu yang berbeza¹¹.

Dari sudut keilmuan, beliau telah mendalami bahasa Arab daripada beberapa orang guru, antaranya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Fakhr al-Bayrī (754H) dalam ilmu qira’at, Abū Ja‘far Aḥmad Ibn Adām al-Syaqwarī yang mengajar ilmu nahu melalui kitab Sibawayh dan Alfiyah Ibn Mālik di samping juga kitab *Qawāniṇ bin Abī Rabī‘*, *Talkīṣ al-Bīna*, *Farā’id al-Talqīn* dan juga *Mudawwanah al-Kubrā* serta Aḥmad bin Lub al-Taglabī (782H) dalam ilmu nahu. Beliau telah mendapatkan pendidikan tafsir dari Abū ‘Abd Allāh al-Balansī (782H), ilmu hadis dari Shams al-Dīn al-Tilmisānī (781H) dan Abū al-Qāsim al-Binā, ilmu kalam dan falsafah dari Abū ‘Alī Manṣūr al-Zawāwī (753H) dan ilmu sastera dari Abū Bakr al-Qarshī al-Hashmī¹².

Antara karya utama al-Shāṭibī yang mashyur di kalangan cendekiawan Islam pada hari ini antaranya ialah kitab *Muwāfaqāt*, *al- I’tiṣām*, *Kitāb al-Majālis*, *Sharḥ Al-Khulāṣah*, *‘Unwān al-Ittifāq fī ‘Ilm al-Istiqaq*, *Usūl Al-Nahū* dan juga *al-Ifādāt wa al-Inshā’at*¹³.

¹⁰ Al-Shāṭibī, *al-I’tiṣām*, 7.

¹¹ Hasbullah bin Mat Daud, *Teori Maqasid al-Shari’ah*, 6.

¹² Muḥammad Abū al-Ajfān, *Fatāwā al-Imam al-Shāṭibī* (Tunisia: Nahj Liwāz, 1985), 32-39.

¹³ Al-Shāṭibī, *al-I’tiṣām*, 7.

Konsep Bid'ah

Bid'ah (بدع) merupakan perkataan dari bahasa yang berasal dari kalimah “بدع” yang membawa maksud sesuatu yang menjadi permulaan¹⁴. Dari segi bahasa, *bid'ah* membawa maksud perkara baharu yang berlaku dalam agama dan selain agama¹⁵. Ibn Manzūr dalam *Lisān al-'Arab* menyatakan mengenai definisi tersebut iaitu:

بدع: بَدْعٌ شَيْءٌ يُبَدِّعُهُ بَدْعًا وَابْتَدَعَهُ: أَنْشَأَهُ وَبَدَأَهُ.¹⁶

Manakala dari sudut terminologi, terdapat perbahasan yang panjang di antara fuqaha' dalam menentukan takrifan *bid'ah*. Secara amnya takrifan *bid'ah* dari sudut terminologi terbahagi kepada tiga kefahaman: Pertama, kefahaman yang mentafsirkan *bid'ah* kepada dua iaitu *hasanah* dan *dalālah*. Kedua, mereka yang memahami *bid'ah* dengan mentafsirkannya kepada setiap perkara baharu yang berlaku dalam urusan agama selepas zaman Rasulullah SAW, termasuk di dalam batasannya perkara yang kelihatan baik secara zahirnya mahupun jelas keburukannya dan kedua-duanya merupakan perkara yang dilarang dan ditegah. Ketiga, kefahaman yang mentafsirkan *bid'ah* kepada setiap perkara baharu yang bercanggah dengan hukum syarak yang menatijahkan ianya sebagai perkara yang terkeji¹⁷.

Penulisan al-Shāṭibī mengenai *Bid'ah*

Perbincangan mengenai *bid'ah* telah dihuraikan oleh al-Shāṭibī secara terperinci di dalam salah sebuah karyanya yang utama iaitu *al-I'tiṣām*. Tajuk kitab ini secara jelas

¹⁴ Al-Faīrūz al-Abādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Qāhirah: Dār al-Hadīth, 2008) 103.

¹⁵ *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Miṣr: Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah, 2010) 44.

¹⁶ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beyrūt: Dār Sādir, t.t) 8:6.

¹⁷ Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Analisis Perbandingan Pemikiran, 23.

menunjukkan makna isi kandungannya iaitu perlunya berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Kitab ini merupakan salah sebuah kitab terawal yang membincangkan mengenai *bid'ah* secara komprehensif.

Sebelum al-Shāṭibī menulis kitab ini, sudah terdapat beberapa ulama yang telah menulis mengenai *bid'ah* dalam penulisan yang khusus antaranya Muhammad Ibn Waḍāḥ al-Qurṭubī (287H). Beliau ulama terawal yang menulis mengenai *bid'ah* dalam kitab khas yang bertajuk *al-Bida' wa al-Nahy 'Anhā*. Kitab ini terdiri daripada tujuh bab yang mencantumkan riwayat beliau mengenai perbahasan *bid'ah* dari para sahabat sehingga sampai kepada Nabi SAW. Kitab ini juga menyebut beberapa perkara *bid'ah* yang terjadi pada zaman sahabat dan tabiin contohnya dinyatakan sekelompok manusia yang melaksanakan solat di pohon Hudaibiyyah, lantas Khalifah 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb r.a memerintahkan untuk menebang pohon tersebut kerana dibimbangi semakin merebaknya *bid'ah* di persekitarannya.

Karya Abū Bakr al-Turtūshī (520H) iaitu kitab *al-Hawādith wa al-Bida'* merupakan kitab kedua terawal selepas kitab Ibn Waḍāḥ al-Qurṭubī yang membincangkan mengenai *bid'ah* di dalam sebuah kitab yang khusus. Kitab ini terdiri daripada empat bab dan setiap bab mengandungi beberapa fasal. Namun, kitab ini tidak menerangkan perbandingan definisi *bid'ah* dalam kalangan ulama dan tidak juga menerangkan hubungan *bid'ah* dan kaitannya dengan sunnah, *istihsān* serta *maṣālih mursalah*.

Kedua-dua kitab ini antara rujukan al-Shāṭibī dalam menghasilkan kitab *al-I'tiṣām*. Kitab *al-I'tiṣām* merupakan salah sebuah kitab utama bagi al-Shāṭibī selain *Muwāfaqāt* namun begitu ianya tidak sempat dikarang sempurna disebabkan kembalinya beliau ke rahmatullah¹⁸. Struktur

¹⁸ Al-Ajfān, *Fatāwā al-Imam al-Shāṭibī*, 49.

kitab ini mengandungi dua jilid serta sepuluh bab sebagaimana berikut:

Jilid I

- i. Takrif *bid'ah* dan penerangan terhadap maksudnya serta lafaz yang berkembang darinya.
- ii. Celaan kepada *bid'ah* beserta keburukan pelakunya.
- iii. Kejian terhadap *bid'ah* dan *muḥdathāh* datang dalam keadaan umum.
- iv. Pengambilan hujah *ahl al-bida'* dalam mempertahankan perbuatannya.
- v. Hukum berkaitan *bid'ah ḥaqīqiyah* dan *idāfiyyah* serta perbezaan antara kedua.

Jilid II

- i. Hukum bagi kedudukan *bid'ah* (kategori *bid'ah* yang dilakukan)
- ii. Perkara *ibtidā'* (adakah ianya termasuk di dalam perkara adat atau khusus kepada ibadat semata-mata?)
- iii. Perbezaan di antara *bid'ah, maṣālih mursalah* dan *istihsān*.
- iv. Sebab kenapa *ahl bid'ah* terpisah daripada jamaah muslimin.
- v. Menerangkan makna *sirāt al-mustaqīm* yang berbeza dari jalan *ahl ibtidā'*.

Kitab ini pertama kali diterbitkan pada tahun 1913M oleh Dār al-Kutub al-Miṣriyyah melalui terbitan al-Manār dengan kata-kata aluan yang diberikan oleh Muḥammad Rashīd Riḍā yang merupakan salah seorang tokoh reformis beraliran neo-salafi¹⁹. Sehingga kini kitab ini mendapat tempat dalam pelbagai cetakan yang tersebar ke seluruh dunia dalam pelbagai versi.

¹⁹ *Ibid.*

Konsep *Bid'ah* menurut Perspektif al-Shāṭibī

Al-Shāṭibī memperincikan pengertian *bid'ah* kepada tiga bentuk pendefinisian dalam dua kategori, iaitu bahasa dan syarak.

Kategori pertama ialah pendefinisian dari segi bahasa. Beliau mengatakan asal kepada perkataan *bid'ah* (بدعة) ialah “ع” merujuk kepada “penciptaan ke atas sesuatu yang tiada asal”²⁰. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

بِدْيَعُ الْسَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ﴿١٧﴾

Terjemahan: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya)
al-Baqarah 2:117

Serta turut dinyatakan di dalam surah al-Ahqaf:

فُلُّ مَا كُنْتُ بِدُّعًا مِنْ أُرْسَلِ ﴿١﴾

Terjemahan: Katakanlah, bukanlah aku seorang Rasul pembawa agama yang berlainan dari agama yang dibawa oleh Rasul-rasul (yang telah lalu).

al-Ahqaf 46:9

Kedua-dua ayat ini merujuk kepada makna asal pengertian *bid'ah* iaitu sesuatu yang tiada pemisalan sebelumnya. Ayat pertama menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan langit dan bumi yang merupakan sesuatu yang agung dan tiada seumpamanya sebelum ini. Manakala ayat kedua merujuk bahawa Nabi Muhammad SAW bukan rasul pertama bahkan telah didahului dengan rasul-rasul sebelumnya. Kedua-dua ayat ini merujuk kepada perkara baharu yang tiada pemisalan sebelumnya.

Justeru itu menurut al-Shāṭibī, jika dikatakan seseorang telah melakukan *bid'ah* ianya bermaksud, beliau

²⁰ Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām*, 29.

telah memulakan sesuatu jalan yang tidak dimulai sebelumnya. Begitu juga dinamakan perkara yang tiada dalil ke atasnya di dalam syarak dinamakan *bid'ah*. Demikian pengertian yang dihuraikan al-Shāṭibī menurut bahasa.

Manakala dari sudut istilah, al-Shāṭibī telah memberi dua pendefinisian terhadap maksud *bid'ah*. Definisi yang pertama mengkhususkan *bid'ah* kepada perkara ibadah iaitu:

طريقة في الدين مخترعة تصاهي الشرعية يقصد بالسلوك

عليها المبالغة في التعبد لله سبحانه.^{۲۱}

Terjemahan: Jalan yang direka dalam agama, yang menyerupai syariah, tujuan mengamalkannya untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Manakala definisi kedua ditujukan kepada mereka yang menjadikan adat sebagai salah satu perkara yang menyerupai syariah iaitu:

البدعة طريقة في الدين مخترعة تصاهي الشرعية يقصد بالسلوك

عليها ما يقصد بالطريقة الشرعية.^{۲۲}

Terjemahan: Jalan yang direka dalam agama yang menyerupai perkara syariah dengan bertujuan melakukan hal itu sebagai amalan yang dilakukan oleh syariah.

Setelah menyatakan definisi di atas, selanjutnya beliau menghuraikan satu persatu bagi setiap lafaz takrifan yang dinyatakan. Lafaz "طريقة في الدين مخترعة" membawa pengertian satu cara, jalan atau sunnah yang direka kemudian pelakunya menyandarkan perbuatan tersebut

²¹ Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām*, 30.

²² *Ibid.*

kepada agama²³. Perkataan *al-dīn* dalam lafaz tersebut membezakan di antara mereka cipta sesuatu dalam agama dan juga perkara duniaawi. Sekiranya perkara yang direka tersebut merupakan perkara duniaawi seperti kilang dan negara yang tidak pernah wujud sebelum ini, ia tidak termasuk sebagai *bid'ah*.

Manakala dalam menghadkan lafaz "jalan dalam agama", al-Shāṭibī memperincikan jalan atau cara dalam agama terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu, perkara yang mempunyai asal dalam syariat dan juga perkara yang tidak mempunyai asal di dalam syariat. Maka, batasan *bid'ah* hanya dikhususkan kepada perkara baru yang direka dalam syariat. Dengan pengkhususan ini maka terkeluar dari maksud *bid'ah* sesuatu yang berkaitan dengan agama seperti ilmu *nahū*, *taṣrīf*, *mufrādāt al-lughāh*, *uṣūl al-fiqh*, *uṣūl al-dīn* dan ilmu-ilmu lain yang menjadi tunjang dalam memahami syariah. Lafaz "menyerupai syariah" membawa maksud perkara tersebut menyamai perkara syariah tetapi pada hakikatnya perkara tersebut bukannya dari syariah.

Al-Shāṭibī mendatangkan beberapa contoh berhubung perkara ini iaitu²⁴:

- i. Menentukan batasan-batasan tertentu dalam sesuatu seperti seseorang yang bernazar puasa dalam keadaan berdiri tidak mahu duduk serta berjemur di tengah panas, mengkhususkan untuk memutuskan hubungan demi beribadah dan juga mengehadkan makanan dan pakaian tanpa ada sebab tertentu.
- ii. Melazimi cara dan keadaan tertentu dalam melakukan sesuatu perkara seperti berzikir secara berjemaah secara serentak, menjadikan hari kelahiran nabi SAW sebagai suatu perayaan dan seumpamanya.
- iii. Melazimi sesuatu ibadat tertentu dalam waktu-waktu tertentu yang tidak terdapat penentuan dalam syariat

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*

seperti melazimi puasa nisfu syaaban dan juga mendirikan (menghidupkan) malamnya.

Menurut al-Shāṭibī kesemua perkara tersebut adalah *bid'ah* kerana ianya menyerupai bentuk syariah, sekiranya perkara tersebut tidak menyerupai perkara syariah ianya tidak dinamakan *bid'ah*. Kebiasaan perkara ini berlaku apabila seseorang mengikut seseorang lain yang lebih masyhur dan terkenal dengan kebaikannya.

Lafaz "tujuan perkara tersebut dilakukan adalah untuk berlebihan dalam beribadah kepada Allah SWT" menyempurnakan pengertian *bid'ah* di sisi al-Shāṭibī. Menurutnya, pelaku *bid'ah* menduga bahawa dengan cara itu mereka semakin dekat dengan Allah SWT sesuai dengan firmanNya dalam surah al-Dhariyat ayat 56 yang bermaksud: "Tidaklah aku menjadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaku". Justeru itu mereka menyangka perbuatan itu bersifat mutlak tanpa menyedari seruan itu terdapat batas dan sempadan dalam melakukan perkara tersebut.

Pembahagian *Bid'ah* menurut al-Shāṭibī

Al-Shāṭibī meletakkan *bid'ah* dalam satu maksud iaitu kesesatan. Beliau berhujah berdasarkan zahir hadith Nabi SAW yang membawa maksud, "setiap *bid'ah* itu sesat"²⁵. Justeru itu tiada pengecualian terhadap setiap sesuatu yang dilabel sebagai *bid'ah* menurut takrifan syarak melainkan ianya sesuatu kesesatan.

Walaubagaimanapun beliau turut mengklasifikasikan *bid'ah* kepada dua kategori iaitu *haqīqīyyah* dan *idāfiyyah* serta beberapa martabat kedudukan *bid'ah* dari segi tingkatan kesesatannya seperti *bid'ah kabīrah*, *saghīrah*, *kullīyyah* dan *juz'iyah*. Pembahagian yang dinyatakan ini

²⁵ Hadis Riwayat Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muhammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 1417H) No. Hadis 42.

tidak terkeluar dari maksud kesesatan *bid'ah*²⁶. Hal ini bermakna walaupun terdapat beberapa pembahagian dalam mengenali sesuatu *bid'ah*, namun ia tidak terkeluar dalam lingkungan kesesatan.

Bid'ah haqīqīyyah merupakan sesuatu yang tidak ada dasarnya sama ada dari al-Qur'an, al-Sunnah, *al-ijma'* mahupun dalil lain yang muktabar di sisi ulama dalam menetapkan sesuatu hukum²⁷. Apa yang boleh difahami, *bid'ah haqīqīyah* merupakan suatu kesesatan yang jelas. Antara amalan yang termasuk di dalamnya seperti menambah rakaat solat dengan sengaja, menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah SWT dan lain-lain lagi.

Oleh itu, *bid'ah haqīqīyyah* jelas lebih besar dosa yang ditimpakan Allah ke atas pelakunya. Hal ini disebabkan *bid'ah* ini sesuatu yang jelas kesesatannya dan mengadak-an sesuatu perkara di dalam agama yang tidak memiliki dalil sama sekali seperti pemesongan akidah yang dilakukan oleh aliran Qadariyyah, menolak *ijma'* dan menghalalkan arak²⁸.

Manakala *bid'ah idāfīyyah* ialah sesuatu perbuatan jika dilihat dari suatu sudut ianya merupakan sesuatu yang disyariatkan dan dari satu sudut yang lain ianya merupakan *bid'ah*²⁹. Apa yang dapat diperhatikan, *bid'ah idāfīyyah* merupakan gabungan ataupun tokok tambah terhadap perkara syariat yang dilakukan. Kategori inilah yang menjadi pertikaian dalam kalangan umat Islam kerana tidak ada dalil yang menjelaskan secara terperinci mengenai

²⁶ Al-Shāfi'ī, *al-I'tisām*, 278-279.

²⁷ *Ibid.*, 187.

²⁸ Ardiansyah, Perspektif Imam al-Shatibi Terhadap Konsep Sunnah – Bid'ah: Analisis Terhadap Kitab Al-I'tisam dan al-Muwafaqat (tesis PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 130.

²⁹ 'Izzat 'Alī Atīyyah, *al-Bid'ah Tahdīdūhā wa Mawqif al-Islām minhā* (Lubnān: Dār al-Kutub al-Islām 1980) 274.

ibadah tersebut. Kebanyakan mereka yang mengamalkan *bid'ah idāfīyyah* ini ialah mereka yang menggunakan dalil umum bagi menyokong amalan tersebut.

Dalam hal ini, al-Shāṭibī banyak membicarakan mengenai *bid'ah idāfīyyah*. Menurut beliau, *bid'ah haqīqīyyah* merupakan sesuatu yang jelas penyimpangan dan kesesatannya dan para ulama sepakat untuk menolaknya, sedangkan *bid'ah idāfīyyah* sering kali menjadi perdebatan yang hangat dalam kalangan ulama. Ia berikutan sukar menentukan adakah dalil yang umum dapat dijadikan alasan dari perbuatan tersebut atau perkara tersebut jelas bertentangan dengan sunnah Nabi Muhammad SAW³⁰.

Dalam memperincikan pengertian *bid'ah idāfīyyah*, al-Shāṭibī membahagikannya kepada dua kategori iaitu pertama, *bid'ah idāfīyyah* yang hampir kepada *haqīqīyyah* sebagai contoh menghususkan sejumlah solat atau puasa pada hari tertentu yang tidak ada dalilnya³¹ seperti solat *al-Raghāib*³² dan kedua, *bid'ah idāfīyyah* yang hampir kepada sunnah Nabi SAW sehingga ianya dianggap sunnah dalam melakukannya sebagai contoh amalan mereka yang lebih suka menyusahkan diri mereka sendiri sedangkan terdapat jalan yang mudah baginya dalam mengerjakan ibadah seperti orang yang menggunakan air panas untuk berwuduk sedangkan terdapat air yang dingin di sisinya. Begitu juga seperti seorang yang memakai pakaian buruk sedangkan berkemampuan untuk memiliki yang lebih baik darinya³³. Turut dikategorikan sebagai *bid'ah idāfīyyah* ialah perkara-perkara yang diperselisihkan oleh sebahagian fuqaha yang

³⁰ Ardiansyah, *Perspektif Imam al-Shatibi*, 130.

³¹ Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām*, 245.

³² Solat yang dilaksanakan sebanyak dua belas rakaat pada malam Jumaat pertama dalam bulan Rajab dengan salam setiap dua rakaat. Solat ini dilakukan dengan cara-cara khusus yang tertentu.


³³ 'Izzat 'Alī 'Aṭīyyah, *al-Bid'ah Tahdīdūhā*, 275.

mempunyai hujah kuat dalam mempertahankan amalan yang dibawa.³⁴

Menurut al-Shāṭibī, *bid'ah idāfīyyah* tidak dapat dikategorikan kepada *bid'ah haqīqīyyah* dan sunnah Nabi SAW. Oleh kerana itu, untuk menentukan suatu perbuatan itu *bid'ah* atau tidak memerlukan sesuatu penyelidikan yang lain. Adapun dalam pelaksanaannya, diperlukan *ihtiyāt* iaitu berhati-hati dengan menghindari perbuatan yang tidak mempunyai sandaran yang jelas. Ini kerana, permasalahan seperti ini termasuk dalam kategori *mutashābihat*, sehingga sulit untuk mengetahui status sesuatu ibadah itu secara tepat. Oleh kerana itu diperlukan penyelidikan yang lebih mendalam³⁵.

Berdasarkan pembahagian yang dinyatakan oleh al-Shāṭibī, beliau mengakui titik perbahasan *bid'ah* yang berlaku ialah yang dikategorikan sebagai *bid'ah idāfīyyah*. Manakala dari satu sudut lain, sebahagian besar fuqaha meletakkanya di dalam *bid'ah hasanah*. Namun begitu beliau tetap menegaskan ianya sesuatu perkara yang dilarang.

Rajah 1: Pembahagian *Bid'ah* Menurut al-Shāṭibī



³⁴ Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām*, 242-243.

³⁵ Ardiansyah, *Perspektif Imam al-Shatibi*, 131.

Berdasarkan huraian yang dikemukakan oleh al-Shāṭibī dapat dirumuskan beberapa elemen berhubung teori yang dikemukakan sebagaimana berikut:

Jadual 1: *Bid'ah* Menurut Perspektif al-Shāṭibī

Elemen	Al-Shāṭibī
Takrifan (Istilah)	<i>Bid'ah</i> sesuatu yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT yang menyerupai syariat dan tidak pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW.
Pembahagian	Pembahagian kepada <i>idāfīyyah</i> dan <i>haqīqīyyah</i> yang berkongsi di dalamnya sifat kesesatan namun berbeza di dalam tingkatan kesesatan seperti merangkumi <i>kabīrah</i> , <i>saghīrah</i> , <i>kulliyah</i> , <i>juz'iyah</i> .
Kefahaman <i>bid'ah</i>	Setiap <i>bid'ah</i> itu sesat. Ianya berdasarkan kepada dua cabang dari hukum <i>taklīf</i> sama ada <i>makruh</i> atau haram.
Skop perbincangan <i>bid'ah</i>	Ibadat dan adat yang mempunyai hubungan dengan agama.
Cara mengenali <i>bid'ah</i>	Setiap ibadah dan adat yang berhubung kait dengan agama yang tidak pernah dilakukan pada zaman awal termasuklah meletakkan batasan (sempadan) tertentu, melazimi cara-cara tertentu dan mengamalkan ibadat tertentu pada waktu-waktu tertentu.
Ciri-ciri khusus <i>bid'ah</i>	Ibadat yang tidak dilakukan zaman awal, meletakkan batasan-batasan tertentu, menambah atau mengurangi sesuatu amalan mahupun lafaz, adat yang berkait dengan agama.

Implementasi Fatwa Berasaskan Teori *Bid'ah* al-Shāṭibī

Berdasarkan teori *bid'ah* yang dikemukakan oleh al-Shāṭibī, kajian turut menilai dari sudut pengaplikasian teori tersebut dalam beberapa fatwa yang diputuskan beliau

berhubung isu semasa yang berlaku pada zamannya. Antara fatwa semasa yang diputuskan oleh al-Shāṭibī ialah:

- i. Berhimpun bagi tujuan zikir dengan satu suara – *Bid'ah*, tertolak berasaskan ianya tidak dilakukan pada zaman awal³⁶.
- ii. Membaca surah al-Kahfi selepas asar pada hari Jumaat – *Bid'ah*, kerana mengkhususkan masa dan tidak berlaku pada zaman awal³⁷.
- iii. Mewasiatkan harta bagi mengadakan upacara maulid Nabi SAW serta menyambut maulid – *Bid'ah*³⁸.
- iv. Membaca *hizb* al-Qur'an secara berjemaah – Makruh berdasarkan pandangan Imam Malik rh³⁹.
- v. Menambah azan subuh dengan perkataan “أَصْبَحَ وَ اللَّهُ أَكْبَرُ” – *Bid'ah* yang buruk⁴⁰.
- vi. Mengkhususkan malam tertentu pada bulan Ramadhan untuk khatam al-Qur'an – ianya termasuk di dalam penambahan amalan (ciri-ciri *bid'ah*)⁴¹.
- vii. Membaca surah Yaasin ketika memandikan jenazah – Amalan yang ditambah, bukan perbuatan salaf⁴².
- viii. Berhimpun membaca al-Qur'an di sisi kubur selepas tujuh hari dikebumikan – *Bid'ah munkarah*⁴³.
- ix. Uruf masyarakat Granada yang menghias haiwan korban dan mempamerkannya selepas disembelih tanpa tujuan berbangga melainkan untuk menzahirkan perasaan gembira – Harus⁴⁴.

³⁶ Al-Ajfān, *Fatāwā al-Imām al-Shāṭibī*, 193.

³⁷ *Ibid.*, 198.

³⁸ *Ibid.*, 203, 204.

³⁹ *Ibid.*, 206.

⁴⁰ *Ibid.*, 207.

⁴¹ *Ibid.*, 208.

⁴² *Ibid.*, 209.

⁴³ *Ibid.*, 209, 210.

⁴⁴ *Ibid.*, 214.

- x. Mengharuskan zikir dengan jumlah tertentu berdasarkan mimpi bertemu Nabi⁴⁵.
- xi. Mengharuskan seseorang Imam bernasyid setiap kali selepas solat⁴⁶.

Berdasarkan fatwa yang dinyatakan, al-Shāṭibī dilihat konsisten terhadap sebahagian besar dari fatwanya berasaskan teori yang dibina iaitu setiap sesuatu yang tidak berlaku pada zaman awal, meletakkan batasan tertentu di dalam ibadat, mengurangi atau menambah sesuatu amalan atau lafaz yang disyariatkan, serta adat yang mempunyai perkaitan dengan agama merupakan suatu *bid'ah* yang perlu ditinggalkan.

Namun terdapat sebahagian fatwa yang dilihat tidak menepati piawaian teori *bid'ah* yang dikemukakan oleh beliau, antaranya:

- i. Harus menghias haiwan korban selepas disembelih bagi tujuan melahirkan kegembiraan. – Hal ini bertentangan disebabkan korban merupakan ibadat manakala menghiasi haiwan tersebut termasuk di dalam adat masyarakat setempat. Menjadikan adat sebagai syiar agama adalah suatu *bid'ah* menurut al-Shāṭibī.
- ii. Mengharuskan zikir dengan jumlah tertentu berdasarkan mimpi bertemu Nabi SAW. Mimpi selain para nabi bukan suatu hujah mahupun sumber dalam hukum Islam⁴⁷, manakala menetapkan bilangan tertentu jelas menunjukkan ianya terdiri daripada *bid'ah idāfiyyah* yang dikategorikan oleh al-Shāṭibī.
- iii. Mengharuskan bernasyid selepas solat. Sebagaimana maklum, amalan sunnah yang *thābit* dari Nabi SAW

⁴⁵ Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām*, 170.

⁴⁶ *Ibid.*, 178.

⁴⁷ Sumber rujukan sebagaimana yang diketahui terbahagi kepada dua iaitu disepakati dan tidak disepakati. Adapun mimpi tidak termasuk dalam mana-mana kategori *māṣādir al-tashrī'*.

adalah berzikir dengan cara-cara tertentu⁴⁸. Manakala bernasyid merupakan suatu bentuk kebudayaan. Perbuatan bernasyid selepas solat termasuk dari kategori menghubungkan antara ibadat dan adat yang harus.

Faktor-Faktor Asas yang Mempengaruhi Pemikiran al-Shāṭibī Berhubung Teori *Bid'ah*

Berdasarkan penelitian terhadap teori serta asas hujah-hujah yang dikemukakan oleh al-Shāṭibī, kajian mendapati terdapat beberapa faktor utama yang mendorong pentafsiran *bid'ah* oleh al-Shāṭibī dalam kerangka yang khusus. Faktor tersebut dapat diuraikan sebagaimana berikut:

1. Pemahaman secara literal terhadap nas-nas *bid'ah*. Al-Shāṭibī mengekalkan keumuman nas berhubung *bid'ah* dengan mengekalkan lafaz serta tafsiran asalnya. Antara nas yang dikemukakan:

عن العرباض ابن السارية رضي الله عنه قال: قال رسول الله
صلى الله عليه وسلم: أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة
وإن عبادا حبشا فإنه من يعش منكم بعدي فسيرى اختلافا
كثيرا، فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين تمسكوا
بها، وعضوا عليها بالنواجد، وإياكم ومحديثات الأمور، فإن
كل محدثة بدعة، وكل بدعة ضلاله^{٤٩}.

⁴⁸ Lihat lebih lanjut perbincangan mengenai zikir selepas solat, Yahya Ibn Sharf al-Nawāwī, *al-Adhkār* (Damshiq: Maṭb'ah al-Milāḥ, 1971).

⁴⁹ Hadis Riwayat Abū Dāwud, Kitab Sunnah, *Bab fī Luzūm al-Sunnah*, No hadis 4607. Hadis Riwayat al-Tirmidhī, *Bāb Mā Ja 'ā Fī Akhazī bi al-Sunnah wa al-Ijtināb al-Bida'*, no hadis 2676, al-Tirmidhī mengatakan hadis ini hasan. Lihat Abū Dāwud Sulaymān al-'Ash'at, *Sunan Abū Dāwud* (Beyrūt: Maktabah al-'Aṣrīyyah, t:t) 4:200;

Terjemahan: Daripada al-Irbād ibn al-Sāriyah ra berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Aku berwasiat kepada kamu supaya bertakwa kepada Allah dan mendengar serta taat walaupun (orang yang memerintahkan) itu adalah seorang hamba Habsyi. Sesungguhnya sesiapa di antara kamu yang hidup selepas kewafatanku akan melihat banyak berlaku perselisihan (antara umat Islam). Oleh itu hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahKu dan sunnah al-Khulafa' al-Rāshidīn berpegang dan genggamlah sekutu-kuatnya. Dan jauhilah kamu daripada mengada-adakan sesuatu perkara kerana setiap perkara baru itu adalah *bid'ah* dan setiap *bid'ah* itu adalah sesat.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong beliau mengekalkan maksud lafaz asal perkataan *bid'ah* kepada huraian dari sudut Bahasa. Antaranya dari sudut berulangnya dalil kecaman terhadap *bid'ah*. Menurut beliau, kekerapan dalil berhubung kecaman terhadap *bid'ah* menyebabkan hadith di atas menerima *takhsīṣ* daripada mana-mana dalil-dalil lain seperti hadith yang seringkali dijadikan *takhsīṣ* terhadap *bid'ah* iaitu:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ هَذِهِ
بَعْدَهُ مِنْ عَيْرٍ أَنْ يَنْفُصَ مِنْ أَجْوَهُهُمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي
الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وَرْزُهَا وَوَرْزُ مَنْ عَمِلَ هَذِهِ مِنْ
بَعْدِهِ مِنْ عَيْرٍ أَنْ يَنْفُصَ مِنْ أَوْرَاهُمْ شَيْءٌ ۝

Muhammad Ibn 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Mişr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975) 5:44.

⁵⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāh, Bab al-Ḥathth ‘alā al-Ṣadaqah, no. Hadith 1017 (Beyrūt: Dār Ihyā al-Turāth al-‘Arabī,) 365.

Terjemahan: Sesiapa yang mempelopori di dalam Islam satu sunnah yang baik, maka baginya pahala dan pahala orang yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikitpun dari pahalanya dan sesiapa yang mempelopori satu sunnah yang buruk di dalam Islam, maka baginya dosa dan dosa orang yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikitpun dosanya.

Menurut beliau, hadith ini merujuk kepada perkara yang sunnah *thābitah* iaitu sedekah. Justeru atas dasar ini beliau tidak menerima mana-mana *takhṣīṣ* terhadap hadith "setiap *bid'ah* itu sesat".

2. Berasaskan kerangka pemikiran mazhab Maliki. Pandangan al-Shāfi'ī dilihat merupakan perincian kepada kerangka pemikiran mazhab Maliki berhubung *bid'ah*. Terdapat beberapa asas yang dilihat menjadi sandaran perkara ini:

- i. Pemindahan kata-kata dari Imam Mālik berhubung teori *bid'ah* serta kebanyakan fatwa yang diputuskan oleh al-Shāfi'ī dengan memetik fatwa yang dinyatakan oleh Imam Mālik rh⁵¹:

⁵¹ Pernyataan ini tidak dinyatakan di dalam mana-mana periyawatan melainkan apa yang dinukilkan oleh al-Shāfi'ī di dalam *al-I'tiṣām*. Pengkaji berpandangan bahawa beliau mengambil periyawatan tersebut melalui apa yang diriyatkan oleh Ibn Hazm dengan lafaz yang berbeza sebagaimana berikut:

حدثنا أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍ بْنِ أَنْسٍ حَدَّثَنَا الْحَسِينُ بْنُ يَعْقُوبَ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ فَحْلُونَ حَدَّثَنَا
يوسفُ بْنُ بَجْيِي الْمَغَامِي حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ حَبِيبٍ أَخْرَبْنِي بْنُ الْمَاجَتِشُونَ أَنَّهُ قَالَ قَالَ مَالِكٌ
بْنُ أَنْسٍ مِّنْ أَحَدِهِتِ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ الْيَوْمَ شَيْئًا لَمْ يَكُنْ عَلَيْهِ سَلْفُهَا فَقَدْ زَعَمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَانَ الرِّسَالَةَ لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ {خَرَقْتُ عَنِّيْكُمُ الْمِيَّةَ وَاللَّمْ وَلَمْ
ذَكَّرْتُكُمْ وَمَا ذَبَحْتُ عَلَى النُّصُبِ وَمَا سَتَّقْتُكُمْ بِإِلَّا لِرَلَمْ ذَلِكُمْ فَسَقْتُ الْيَوْمَ يَكُسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ

وقد قال إمام دار الهجرة مالك: من ابتدع في الإسلام بدعة
يرها حسنة فقد زعم أن محمدًا خان الرسالة لأن الله يقول:
﴿إِلَيْهِمْ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ
الْإِسْلَامَ دِينًا﴾ [المائدة: ٣٠]

Terjemahan: Barangsiapa yang berbuat sesuatu *bid'ah*, kemudian melihatnya baik, maka sesungguhnya dia telah mendakwa Muhammad SAW telah mengkhianati risalahnya, kerana Allah SWT telah berfirman: "Sesungguhnya aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku sempurnakan keatas kamu nikmat aku, dan telah aku redhai bagi kamu Islam sebagai agama (al-Maidah 5:3).

Walaupun susur jalur periwayatan Imam Mālik berhubung kata-kata di atas adalah bertaraf *da'iif*, ianya dikuatkan berdasarkan beberapa peristiwa antaranya berkaitan seseorang yang ingin mendapatkan pandangan berhubung suatu amalan iaitu seorang yang ingin menambah jarak ihram dari miqat asal yang telah ditetapkan oleh Baginda SAW. Imam Mālik cenderung

دِينَكُمْ فَلَا تُخْسِنُوهُمْ وَاحْشُنُونَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ
الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنْ اضطُرَّ فِي مُحْمَصَةٍ عَيْرَ مُتَجَاهِفٍ لِأَمْ لِأَنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ} فَمَا لَمْ يَكُنْ
يَوْمَنْدِ دِينًا لَا يَكُونُ الْيَوْمَ دِينًا.

Periwayatan ini dihukum sebagai *dhaif* kerana di dalamnya terdapat 'Abd Mālik Ibn Ḥubayb yang dihukum sebagai tidak *thiqah* dan tidak tahu mengenai periwayatan hadith oleh Ibn Ḥazm, al-Ḥāfiẓ Abū Bakr. Lihat Ibn Ḥazm, *al-Ihkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beyrūt: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1983) 6:58. Lihat kritikan terhadap perawi, Sham al-Dīn Abū 'Abd al-Allah al-Dhababī, *Siyār al-'Alām al-Nubalā'* (Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2006) 9:484; Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān* (Lubnān: Mu'assah al-'Alamī, 1971) 4:59.

⁵²Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām*, 37.

melarangnya dibimbangi menimbulkan fitnah⁵³. Hal ini turut dikuatkan melalui fatwa-fatwa al-Shāṭibī yang disandarkan kepada Imam Mālik sebagaimana yang dinyatakan dalam perbahasan lalu.

- ii. Mazhab rasmi Granada dan persekitaran hidup al-Shāṭibī berasaskan mazhab Imam Mālik⁵⁴.
- iii. Rujukan al-Shāṭibī dalam menghasilkan *al-I'tisam* antaranya berteraskan rujukan fuqaha Mālikiyah antaranya pandangan Ibn Waḍāḥ al-Qurṭubī dan al-Turṭusī.

Namun setelah dicermati, beliau merupakan ulama pertama yang memperincikan takrifan *bid'ah* seperti yang dinyatakan. Pentakrifan beliau secara langsung menatihkan pemikiran yang tegas terhadap setiap perkara baharu berkait dengan agama yang tidak berlaku pada zaman awal.

3. Menjaga keaslian praktik keagamaan.

Menurut al-Shāṭibī, perlunya menjaga keaslian agama yang murni sebagaimana yang dipraktikkan generasi awal. Hal ini dapat diperhatikan melalui ungkapan beliau dalam muqqadimah kitabnya⁵⁵:

وَجِدْتُ نَفْسِي غَرِيباً فِي جَمِيعِ أَهْلِ الْوَقْتِ لِكُونِ خَطْبَتِهِمْ قَدْ
غَلَبَتْ عَلَيْهَا الْعَوَادِدُ، وَدَخَلَتْ عَلَى سَنَنِهَا الْأَصْلِيهَا شَوَّابَهُ
مِنَ الْمُحَدَّثَاتِ الْزَوَادِيَّهُ.

Terjemahan: Aku mendapati diriku asing di kalangan jumhur masyarakat semasa

⁵³ Al-Shāṭibī, *al-I'tisām*, 91. Ibn al-'Arabī, *Aḥkām al-Qur'ān* (Beyrūt: Dār Kutub al-'Ilmīyyah, 2003) 3: 432.

⁵⁴ Lisān al-Dīn Ibn Khaṭīb, *al-Lamhah al-Badrīyyah fī al-Dawlah al-Naṣrīyyah* (Qāhirah: Maṭba'ah al-Salafīyyah, 1347h) 27.

⁵⁵ Al-Shāṭibī, *al-I'tisām*, 22.

disebabkan mereka telah memasukkan adat-adat ke atas sunnah-sunnah asli daripada perkara baharu dan yang ditambah.

Keterasingan yang dirasai al-Shāṭibī adalah disebabkan masyarakat pada zaman itu mencampuradukkan sebahagian budaya dengan perkara-perkara berkaitan keagamaan dalam kehidupan sehari-hari seperti amalan berdoa secara berjemaah selepas solat, mendoakan pemerintah di dalam khutbah Jumaat dan lain-lain. Hal ini diperkuatkan lagi dengan fatwa yang diputuskannya berhubung amalan bersalam selepas solat. Menurut beliau ianya adalah harus, namun akan menjadi makruh sekira berterusan melakukannya kerana dibimbangi masyarakat akan menganggapnya sebahagian daripada agama.

Dapat diperhatikan al-Shāṭibī mementingkan praktik Islam yang murni dan berbentuk *jamid* berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan agama. Walaubagaimanapun pandangan beliau berhubung isu-isu tersebut tidaklah mendapat sambutan di kalangan masyarakat semasa bahkan turut ditentang oleh para fuqaha sezamannya dan juga guru beliau, Shaykh Sa'īd Ibn Lub⁵⁶.

Kritikan terhadap Pengaplikasian Teori *Bid'ah* menurut al- Shāṭibī dalam Kehidupan Masyarakat

Tidak dinafikan praktik Islam yang murni sebagaimana zaman awal dapat diterjemahkan sekiranya teori yang dikemukakan oleh al-Shāṭibī menjadi pegangan. Namun ia sesuatu yang mustahil dan bertentangan dengan *sunnatullāh* yang menjadikan manusia dengan kepelbagaian. Terdapat beberapa asas yang mendokong kenyataan ini:

⁵⁶ Muhammad Ibn Yūsuf al-Mawwaq al-Gharnāṭī, *Sunan al-Muhtadīn fī Maqāmāt al-Dīn* (Beyrūt: Dār Ibn Hazm, 2010), 30.

1. Para sahabat sendiri turut berbeza dalam melazimi ibadat berlandaskan dalil-dalil umum. Antara sebahagian peristiwa yang boleh dijadikan contoh dalam hal ini ialah:
 - i. Membaca al-Qur'an dengan tatacara tersendiri⁵⁷.
 - ii. Mengulangi surah al-Ikhlas di dalam setiap rakaat solat⁵⁸.
 - iii. Solat sunat wuduk yang dilazimi oleh Saidina Bilāl⁵⁹.
 - iv. Solat sunat sebelum dibunuh yang dilakukan oleh Ibn Khubayb⁶⁰.

Justeru, para sahabat sendiri turut berbeza dalam melazimi sesuatu amal, apakah lagi umat Islam sepanjang zaman. Namun begitu mungkin akan timbul dakwaan yang menyatakan “amalan para sahabat sudah diperakui dan diiktiraf oleh Rasulullah SAW dan kewafatan Baginda membawa erti terputusnya wahyu. Justeru siapa pula yang akan memperakui amalan yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW?”

Bagi menjawab persoalan ini, benar kewafatan Rasulullah SAW menunjukkan agama Islam telah sempurna dan tidak perlu ada penambahan mahupun pengurangan. Namun, perihal urusan umat Islam sentiasa wujud dari semasa ke semasa. Adalah tidak adil kita menghadkan sesuatu perbuatan tersebut

⁵⁷ Musnad Imām Aḥmād, Kitāb Musnad ‘Alī Ibn Abū Ṭālib, No Hadith 867.

⁵⁸ Hadith Riwayat al-Tirmidhī, Kitab Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Mā Ja'ā fi Sūrah al-Ikhlāṣ, No Hadith 2901.

⁵⁹ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitāb Jum'ah, Bāb Faḍl al-Thuhr Bi al-Layl wa la-Nahr, No Hadith 1149.

⁶⁰ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghuzwah al-Raji', No Hadith 4086.

hanya boleh dilakukan pada zaman Rasulullah SAW semata-mata sedangkan telah menjadi *sunnatullāh* perkara-perkara baharu akan sentiasa wujud dari semasa ke semasa. Sedangkan sifat wahyu sentiasa mendepani perkara-perkara baharu.

Bagi menangani perkara ini, Rasulullah SAW telah meninggalkan kepada umatnya suatu manajukukuh yang menonjolkan kesempurnaan Islam merentasi keadaan, masa mahupun tempat. Para ilmuan Islam telah mengerah segala daya menyusunnya menjadi suatu bentuk disiplin ilmu yang konkret dalam menghukumi sesuatu perkara baharu. Ilmu yang dimaksudkan tersebut adalah ilmu usul fiqh. Hal ini selari sebagaimana saranan Rasulullah SAW ketika mana mengutuskan Mu'āz Ibn Jabal ke Yaman yang bermaksud:

Dari Muaz, bahawasa Rasulullah SAW mengutus Muaz ke Yaman. Rasulullah SAW bersabda, "Bagaimana kamu memutuskan perkara?" (Muaz menjawab), "Saya memutuskan dengan hukum yang ada di dalam kitab Allah". Rasulullah SAW bersabda, "Kalau tidak terdapat di dalam kitab Allah?" Muaz berkata, "Saya akan memutuskan dengan sunnah Rasulullah". Rasulullah SAW bersabda, "Kalau tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah SAW?" Muaz menjawab, "Saya berijtihad dengan pendapatku". Rasulullah SAW bersabda, "Segala puji bagi Allah yang telah

memberi petunjuk kepada utusan Rasulullah⁶¹.

Justeru itu pentingnya merujuk kepada ilmu usul fiqh dalam menterjemahkan sesesuatu amalan mahupun keadaan kepada hukum yang lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

2. Pertembungan syariat Islam dengan budaya masyarakat dunia. Sebagaimana yang diketahui, Islam yang turun dalam kalangan masyarakat Arab terus berkembang merentasi benua, budaya mahupun kaum yang terdapat di segenap pelusuk dunia. Namun begitu syariat Islam tidak bersifat anti-budaya sebaliknya mengasimilasikan budaya menjadi perkara yang diharuskan syarak. Terdapat budaya yang diselaraskan dengan syarak dan terdapat juga budaya yang sememangnya ditegah kerana bertentangan dengan syarak.

Sebagai contoh dalam memperihalkan hal ini adalah amalan *tabbanni* iaitu mengambil anak angkat. Masyarakat Arab jahiliyyah turut melakukan amalan tersebut, setelah kedatangan Islam amalan tersebut masih lagi diamalkan dan diterima dengan syarat setiap anak angkat mestilah dinasabkan kepada bapa kandung dan tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkat sebagaimana yang dilaksanakan oleh masyarakat jahiliyyah⁶². Dalam masa yang sama, terdapat sebahagian budaya yang mesti ditinggalkan kerana bertentangan dengan prinsip syarak seperti amalan riba judi, tilik nasib dan sebagainya.

⁶¹ Hadith Riwayat al-Tirmidhī, Kitāb Bāb Mā Jā'a Fī Al-Qādī Kaifa Yaqdī, No Hadith 1377. Abū Isa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Germany: Jam'iyyah Miknaz Islamiy, 2000) 1:358.

⁶² Abdul Manan, *Pembaruan Hukum Islam di Indonesia* (Indonesia: Fajar Interpratama Mandiri, 2017), 261.

Demikian juga dapat dilihat kepada apa yang berlaku dalam masyarakat Melayu Islam khususnya di Malaysia. Terdapat sebahagian budaya yang perlu ditinggalkan atas sebab bertentangan secara jelas dengan syarak seperti amalan mandi safar, pemujaan laut dan sebagainya. Namun atas dasar apa pula untuk mengharamkan amalan yang dilihat selari dengan syarak seperti membaca al-Qur'an dan berzikir secara beramai-ramai, selang selawat antara tarawikh, bersalamam selepas solat dan lain-lain. Tidaklah adil menghukumkan perkara sebegini sebagai *bid'ah* yang tertolak atas dasar perkara tersebut tidak dilakukan oleh zaman awal tanpa merujuk kepada kaedah-kaedah hukum.

3. Perkembangan budaya Islam dalam menjana arus perubahan. Islam generasi awal merupakan Islam teras yang murni. Faktor masa dan keadaan mempengaruhi perkembangan hukum Islam dari semasa ke semasa. Terdapat perkara yang diberi kelonggaran (*mutghayyir*) dan terdapat perkara yang tidak boleh diubah (*thābit*) sekalipun berubah keadaan, masa dan tempat. Bagi perkara yang berbentuk *thābit* (tidak boleh berubah) seperti asas-asas dalam agama antaranya penetapan waktu solat, rakaat solat, rukun Islam dan sebagainya. Perkara sebegini tidak boleh diubah walaubagaimana sekalipun selagimana tidak berada dalam keadaan darurat. Adapun perkara yang berbentuk galakan umum, ia adalah perkara yang menerima perubahan selagimana berada di dalam landasan syarak.

Generasi awal tidak melakukan semua perkara yang berbentuk galakan umum mahupun perkara yang berstatus harus kerana ianya terbatas terhadap suasana zaman mereka. Perkembangan Islam terus menemukan amalan-amalan baharu yang tidak dilakukan pada zaman penurunan wahyu. Antaranya

azan dua kali pada hari Jumaat yang dilaksanakan pada zaman Saidina 'Uthmān⁶³, amalan mengucup al-Qur'an yang dilakukan oleh Saidina 'Ikrimah⁶⁴, mengkhatakan al-Qur'an dalam solat tarawikh pada bulan Ramadan, bersalaman selepas solat, mendoakan pemerintah di dalam khutbah Jumaat, berzikir secara beramai-ramai dan lain-lain.

Faktor perkembangan masa menjadikan sebahagian amalan tersebut telah sebatи dalam kehidupan masyarakat sehingga menjadi sesuatu yang sentiasa diutamakan. Perkara sebegini tidak wajar menjadi polemik untuk dibid'ahkan kerana ianya suatu perkembangan yang baik dan bermanfaat buat umat Islam. Namun ia perlu dibatasi dengan ilmu sehingga tidak menimbulkan sifat *mubālaghah* ataupun keterlaluan dalam melaksanakan amalan-amalan tersebut seperti menyalahkan mereka yang lain kerana tidak melaksanakan perkara tersebut, terlalu memfokuskan sesuatu amalan tersebut sehingga mengabaikan keutamaan atau kewajipan yang lebih perlu diutamakan dan lain-lain.

4. Sekiranya teori al-Shāfi'ī dipraktikkan maka sebahagian besar amalan yang diamalkan secara turun temurun oleh masyarakat Islam dunia semasa yang tidak dilakukan oleh generasi awal akan dihukumkan sesat. Antara sebahagian amalan tersebut ialah:
 - i. Mengkhatakan al-Qur'an di dalam solat tarawikh sepanjang bulan Ramadhan – amalan ini telah menjadi tradisi dalam kalangan umat Islam bahkan turut dipraktikkan di Ḥaramayn sehingga saat ini.

⁶³ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitāb al-Ādhān, Bāb al-Muadhin al-Wāḥid, No Hadith 913.

⁶⁴ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'añ* (Beyrūt: Mu'asasah al-Risālah, 2008), 756.

- ii. Konsisten mengerjakan tarawikh sepanjang Ramadan – Sebagaimana yang tercatat di dalam hadith, Rasulullah SAW tidak mengerjakan secara konsisten setiap malam.
 - iii. Mendoakan kebaikan buat para pemimpin negara di dalam khutbah Jumaat.
5. Interpretasi sunnah Rasulullah SAW pada masa kini khususnya berhubung perkara yang tidak pernah berlaku pada zaman awal diterjemahkan melalui *aḥkām al-taklīfī* yang telah disusun oleh para ilmuan Islam. Sekalipun ia tidak menepati sunnah secara 100% namun pembentukan hukum ini lebih hampir kepada pandangan sunnah. Justeru bagi menentukan sesuatu perkara sama ada ia termasuk di dalam perkara yang dibenarkan syarak atau tidak hendaklah dikembalikan kepada manhaj dalam mengeluarkan sesuatu hukum berdasarkan kaedah-kaedah muktabar. Tidak memadai menilai sesuatu perkara berdasarkan ia pernah berlaku pada zaman awal atau tidak.

Impak Pemikiran al-Shāṭibī terhadap Umat Islam Semasa

Jika diteliti dalam sejarah perkembangan tradisi ilmuan Islam, pandangan al-Shāṭibī berhubung teori *bid'ah* tidak mendapat tempat dalam kalangan fuqaha sezaman dan selepasnya bahkan mereka mengkritik teori yang dikemukakan oleh beliau antaranya seperti Sa'īd Ibn Lubb⁶⁵, al-Mawwaq⁶⁶ dan lain-lain sehingga buku beliau *al-I'tiṣām* diterbitkan julung kalinya pada era moden pada tahun 1913M yang kemudiannya diberi muqaddimah oleh Muḥammad Rashīd Ridā, salah seorang dari tokoh reformis salafi.

⁶⁵ Muḥammad Ibn Yūsuf al-Mawwaq al-Gharnāṭī, *Sunan al-Muhtadīn fī Maqāmāt al-Dīn* (Beyrūt: Dār Ibn Ḥazm, 2010), 30.

⁶⁶ *Ibid.*

Rentetan tersebut pandangan al-Shāṭibī dilihat semakin popular dalam kalangan ilmuan semasa. Antara sarjana semasa yang mendokong pemikiran beliau ialah seperti Ibrāhīm Ibn ‘Amir al-Ruhaylī⁶⁷, Abī ‘Usāmah Ibn ‘Iid al-Hilālī al-Salafī⁶⁸, ‘Abd Allāh Ma‘ṣir⁶⁹ dan lain-lain. Selain itu, pandangan beliau turut mendapat dokongan kuat oleh aliran neo-salafi semasa. Hal ini dibuktikan melalui penulisan dalam kalangan neo-salafi yang mendokong takrifan yang dibawa oleh al-Shāṭibī dengan meletakkan *bid’ah* dalam satu hala iaitu kesesatan antaranya seperti yang dikemukakan oleh Muḥammad Ibn Ṣāliḥ al-‘Uthamīn⁷⁰, ‘Abd Allāh Ibn Bāz⁷¹, Albānī⁷², Ṣālih

⁶⁷ Ibrāhīm Ibn ‘Amir al-Ruhaylī, *Mawqif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah min ahl al-Ahwā’ wa al-Bida’* (al-Madīnah al-Nabawīyyah: Maktabah al-Ghurabā’ al-Athārīyyah, 1415h) 92.

⁶⁸ Abī ‘Usāmah Salīm Ibn ‘Iid al-Hilālī al-Salafī, *al-Bid’ah wa Atharuhā al-Shāṭibī al-Ummah* (Beyrūt: Dār Ibn Ḥazm, 2000) 9.

⁶⁹ Beliau meletakkan takrifan al-Shāṭibī menjadi satu takrifan yang khusus dalam memperincikan makna *bid’ah* di dalam *muṣṭalahāt Fiqhiyyah Malīkī*. Lihat ‘Abd Allāh Ibn Ma‘ṣir, *Mu’jam Muṣṭalahāt al-Fiqh al-Malīkī* (Beyrūt: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1971) 34.

⁷⁰ Pandangan beliau mengenai *bid’ah* boleh dilihat melalui web rasmi beliau: Muḥammad Ibn ‘Uthaimin, laman sesawang al-Muwaqqi’ al-Rasmiyyah, dicapai 14 Julai 2016, <http://binothaimeen.net/content/11508>.

⁷¹ Pandangan beliau mengenai *bid’ah* boleh dilihat melalui web rasmi beliau: Ibn Bin Bāz, laman sesawang al-Muwaqqi’ al-Rasmiyyah, dicapai 14 Julai 2016, <http://www.binbaz.org.sa/fatawa/4973>.

⁷² Beliau memindahkan takrifan yang dinyatakan oleh al-Shāṭibī di dalam menghuraikan definisi *bid’ah*. Lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, *Ṣalāt al-Tarāwikh* (Beirūt: Maktabah al-Islāmī, 1985), 35-36.

Fawzān⁷³, ‘Abd Allāh Jibrīn⁷⁴ dan ‘Alawī Ibn ‘Abd al-Qādir al-Saqqāf⁷⁵.

Tidak dapat dinafikan terdapat kesan yang baik bagi mereka yang mentarjihkan pandangan al-Shāṭibī berhubung teori *bid'ah* antaranya galakan dalam menghidupkan sunnah yang *thābitah*, menjadikan seseorang berhati-hati dalam melaksanakan setiap amalan yang berhubung kait dengan agama serta menjadi benteng bagi berlakunya *bid'ah* yang disepakati seperti *bid'ah* yang berlaku dalam akidah.

Namun dalam masa yang sama terdapat juga perkara-perkara negatif yang menjadi kebimbangan bagi mereka yang berpegang kepada pandangan al-Shāṭibī berhubung teori *bid'ah* antaranya memberi implikasi terhadap perkembangan hukum Islam. Sebagaimana yang dimaklumi, hukum dalam Islam berasaskan kepada *aḥkām al-taklīfī*, namun sekiranya pandangan al-Shāṭibī ditarjihkan ianya boleh menjerumuskan salah faham terhadap hukum hakam yang wujud di dalam Islam dengan menilai sesuatu perkara antara sunnah dan *bid'ah* semata-mata. Budaya pukalisme dalam menghukum setiap perkara yang baharu dalam hal ini bertentangan dengan tatacara mengistinbat sesuatu hukum berasaskan prinsip-prinsip syarak.

Seterusnya ia mewujudkan budaya label melabel yang seterusnya mengundang kebencian masyarakat dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Hal ini disebabkan, sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan

⁷³ Ṣāliḥ Ibn Fawzan, *al-Bid'ah* (Riyāḍ: al-Maktab al-Ta'āwun li al-Da'wah wa al-Irshād, 1422H).

⁷⁴ Pandangan beliau mengenai *bid'ah* boleh dilihat melalui web rasmi beliau : Ibn Jibrin, *al-Muwaqqi' al-Rasmi*, dicapai 14 Julai 2016, <http://www.ibn-jebreen.com/books/1-1-7-6-.html>.

⁷⁵ ‘Alawī Ibn ‘Abd al-Qādir al-Saqqāf, *Kull Bi'dah Dalālah* (t.tp: Dār al-Sunnīyyah, t.t).

ialah apabila budaya tempatan bertembung dengan syariat Islam sudah semestinya akan menghasilkan sesuatu perkara yang baharu. Justeru bagi mereka yang mentarjihkan pandangan al-Shāṭibī akan meletakkan perkara tersebut di dalam kesesatan yang perlu dibanteras. Penolakan ini menyebabkan berlakunya pertentangan dalam kalangan umat Islam. Budaya ini turut terpalit terhadap al-Shāṭibī sendiri apabila beliau turut di-*bid'ah*-kan dek kerana berfahaman al-'Ashāirah dari sudut akidah⁷⁶.

Oleh yang demikian, berdasarkan realiti di Malaysia, penulis berpandangan walaupun terdapat hujah yang mendokong pemikiran beliau namun ianya tidak sesuai untuk diaplikasikan dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia.

Rumusan

Dalam menyingaki pemikiran al-Shāṭibī berhubung teori *bid'ah* dapat dirumuskan sememangnya beliau merupakan fuqaha pertama yang membataskan *bid'ah* dalam skop yang khusus. Hal ini berikutan perincian beliau terhadap pentafsiran *bid'ah* dalam satu hala iaitu kesesatan. Pandangan beliau berasaskan pandangan Imam Mālik. Namun dalam masa yang sama beliau sendiri turut tidak konsisten dalam mengaplikasikan teori yang dikemukakannya. Beliau turut membahagikan *bid'ah* kepada dua bahagian iaitu *idāfiyyah* dan *haqīqīyyah*.

Menurut beliau, *bid'ah haqīqīyyah* sesuatu yang jelas kesesatannya manakala *bid'ah idāfiyyah* sesuatu yang sering menjadi perselisihan dalam kalangan fuqaha.

⁷⁶ Hal yang sama turut berlaku pada Imam Abū Shamah dan al-Turtūsī yang dianggap sebagai *ahl bid'ah* disebabkan berpegang dengan aliran al-'Ashā'irah dalam akidah. Walaubagaimanapun pandangan ini tidaklah mewakili keseluruhan aliran neo-salafi pada hari ini. Namun begitu sedikit sebanyak ianya adalah natijah dari aliran pemikiran yang sempit berhubung teori *bid'ah*. Hal ini boleh dirujuk melalui penulisan Naṣr Ibn Aḥmad al-Fahd, *al-I'lām bi al-Mukhālafāt al-Muwāfaqāt wa al-I'tiṣām* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1999).

Terdapat beberapa faktor yang mendorong beliau cenderung mentafsirkan teori *bid'ah* di dalam satu hala iaitu pentafsiran nas berkaitan *bid'ah* secara literal, pegangan dan persekitaran beliau yang hidup dalam suasana mazhab Maliki dan bertujuan menjaga kemurnian ajaran Islam. Pandangan beliau berhubung teori *bid'ah* turut memberi impak yang positif dan negatif kepada umat Islam. Namun jika hendak dikaitkan dengan realiti semasa di Malaysia, ijтиhad yang diputuskan oleh al-Shāṭibī berhubung teori *bid'ah* dilihat tidak sesuai diaplikasikan di Malaysia. Hal ini berikutan ianya menatijahkan implikasi yang lebih besar iaitu perpecahan dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.

Rujukan

- Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar. *Lisān al-Mīzān*. Lubnān: Mu'assah al-'Alamī, 1971.
- Al-Ajfān, Muḥammad Abu. *Fatāwā al-Imam al-Shāṭibī*. Tunisia: Nahj Liwāz, 1985.
- Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. *Ṣālāt al-Tarāwikh*. Beirūt: Maktabah al-Islāmī, 1985.
- 'Atīyyah, 'Izzat 'Alī. *Al-Bid'ah Taḥdīdihā wa Mawqif al-Islām minhā*. Lubnān: Dār al-Kutub al-Islām, 1980.
- Al-Dhahabī, Sham al-Dīn Abū 'Abd al-Allāh. *Siyār al-'Alām al-Nubalā'*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2006.
- Duski Ibrahim. *Metode Penetapan Hukum Islam: Membongkar Konsep al-Istiqra'* al-Ma`nawi asy-Syatibi. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, 2008.
- Al-Fahd, Naṣr Ibn Aḥmad. *Al-I'lām bi al-Mukhālafāt al-Muwāfaqāt wa al-I'tiṣām*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1999.
- Hasbullah bin Mat Daud. "Teori Maqasid al-Shari'ah: Kajian Perbandingan antara Pemikiran al-Shatibi dan Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam." Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011.

- Al-Hilālī, Abī 'Usāmah Salīm Ibn 'Iid al-Salafī. *Al-Bid'ah wa Atharuhā al-Shāfī fī al-Ummah*. Beyrūt: Dār Ibn Ḥazm, 2000.
- Ibn al-'Arabī. *Ahkām al-Qur'ān*. Beyrūt: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Ibn Al-Ash'at, Abū Dawūd Sulaymān. *Sunan Abī Dawūd*, Kitāb Sunnah, *Bāb fī Luzūm al-Sunnah*, no hadith 4607. Beyrūt: Maktabah al-'Aṣrīyyah, t.t.
- Ibn Bin Bāz, laman sesawang al-Muwaqqi al-Rasmiyyah, <http://www.binbaz.org.sa/fatawa/4973>.
- Ibn Fawzān, Ṣāliḥ. *Al-Bid'ah*. Riyād: al-Maktab al-Ta'āwun li al-Da'wah wa al-Irshād, 1422H.
- Ibn Ḥazm. *Al-Ihkām fī Uṣūl al-Ahkām*. Beyrūt: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1983.
- Ibn Jibrīn, *al-Muwaqqi' al-Rasmi*, <http://www.ibn-jebreen.com/books/1-1-7-6-.html>.
- Ibn Khaṭīb. Lisān al-Dīn. *Al-Lamhah al-Badrīyyah fī al-Dawlah al-Nasrīyyah*. Kāherah: Maṭba'ah al-Salafīyyah, 1347H.
- Ibn Ma'sir, 'Abd Allah. *M'ujam Muṣṭalaḥāt al-Fiqh al-Mālikī*. Beyrūt: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 1971.
- Kaḥālah, 'Umar Riḍā. *Mujam M'u'allifin*. Beyrūt: Mu'assah al-Risālah, 1993.
- Al-Mawwaq, Muḥammad Ibn Yūsuf al-Gharnāṭī. *Sunan al-Muhtadīn fī Maqāmāt al-Dīn*. Beyrūt: Dār Ibn Ḥazm, 2010.
- Muhammad Ibn 'Uthaimin, laman sesawang al-Muwaqqi' al-Rasmiyyah, <http://binothaimeen.net/content/11508>.
- Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bab al-Hathth 'alā al-Ṣadaqah, No Hadith, 1017. Beyrūt: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī, t.t.
- Al-Ruhaylī, Ibrāhīm Ibn 'Amir. *Mawqif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min Ahl al-Ahwā wa al-Bida'*. Al-Madīnah al-Nabawīyyah: Maktabah al-Ghurabā' al-Athārīyyah, 1415H.

Syed Mohd, Saadan, Norhidayah, Mohd Anuar & Mohd Rosdi, "Analisis Asas Pemikiran al-Shāṭibī (W.790H) Berhubung Teori Bid'ah," *Afkār* Vol. 20 Issue 2 (2018): 159-194

- Al-Saqqaf, 'Alawi Ibn 'Abd al-Qadir. *Kull Bid'ah Dalalah*. t.tp: Dār al-Sunnīyyah, t:t.
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā. *Al-I'tisām*. Beyrūt: Maktabah al-Tawhīd, 2005.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad Ibn 'Isā. *Sunan al-Tirmidhī*, Bab Mā Ja'ā fī Akhazī bi al-Sunnah wa al-Ijtināb al-Bida', No hadith 2676. Miṣr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975.